

# SENARAI SEMAK

## KEBUN KOMUNITI BANDAR

Maklumat yang perlu dikemukakan semasa menghantar permohonan, antaranya ialah :-

8

### SENARAI SEMAK YANG PERLU DIPATUHI

- Borang Permohonan Kebun Komuniti Bandar
- Kertas Kerja Yang Menyatakan Maklumat Seperti :-
  - i. Pelan Lokasi
  - ii. Pelan Tapak
  - iii. Gambar Semasa Tapak
  - iv. Jenis Tanaman
  - v. Kaedah Tanaman
  - vi. Lain-lain
- Salinan Kad Pengenalan Pemohon
- Salinan Kad Pengenalan Ahli Komuniti
- Salinan Pelan Lokasi Tapak Cadangan MBI (Di Cetak Melalui Jab. Perancangan Bandaraya, MBI)
- Salinan Geran Hak Milik Tanah
- Surat Sokongan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/Ketua Institusi/Ahli Majlis MBI (Jika Ada)
- Fi Proses Sebanyak RM 100 (Jab. Perancangan Bandaraya, MBI Akan Mengeluarkan Bil Bayaran)



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown  
30450, Ipoh Perak Darul Ridzuan  
No Tel : 05-2083333  
No Fax : 05-253 7396 / 05-208 3530

*Ipoh Bestari Sejahtera*



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**

## GARIS PANDUAN KEBUN KOMUNITI BANDAR

**MAJLIS BANDARAYA IPOH**

**Jabatan Perancang Bandar,  
Majlis Bandaraya Ipoh**

# DEFINISI KEBUN

## KOMUNITI BANDAR

“Kawasan tanah yang **diurus oleh penduduk setempat mengikut cara sendiri**. **Keluasan tapak** adalah **berskala kecil** (Maksimum kurang daripada **0.4 Hektar**) serta perlu **memohon sebagai satu komuniti** dan bukan secara individu.”

## LOKASI YANG DIBENARKAN

### 5 Rizab Tanah Kerajaan


- A Tanah Bekas Lombong
- B Zon Penamparan
- C Kawasan Lapang yang Tidak Aktif
- D Rizab Jalan Belum Dibina
- E Rizab Simpanan Khas

## LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN

- A Kawasan lapang dan rekreasi yang aktif digunakan
- B Rizab bahu jalan dibina / sediada
- C Kawasan pemuliharaan landskap


# SYARAT-SYARAT


## KEBUN KOMUNITI BANDAR


1 **Keluasan saiz** kawasan kebun adalah kurang daripada **0.4 hektar** sahaja. 

2 Hanya **aktiviti pertanian kontan** sahaja yang dibenarkan ditanam. 


3 **Tidak dibenarkan** meletak sebarang **haiwan di tapak** (Tanaman sahaja) 


4 **Tidak dibenarkan** untuk **menyerah hak guna** kepada **mana-mana individu/pihak lain** (boleh **ditarik balik kebenaran** dengan serta merta). 

5 **Papan tanda** menunjukkan **nama Plot/Penyelenggara Plot** perlu **dipasang** (Saiz ditetapkan oleh Majlis). 

6 **Penyelenggara plot** yang melanggar mana-mana **Garis Panduan Kebun Komuniti** ini akan **ditarik balik kebenaran** dengan serta merta. 

7 Pihak Majlis **tidak akan bertanggungjawab** ke atas **keselamatan tapak / sekitarnya**. 

8 Pokok **tidak dibenarkan** tumbuh melebihi **ketinggian 10 kaki**. 

9 **Penyerahan semula tapak** dalam keadaan baik kepada MBI/Pemilik tanah/Jabatan/Agensi apabila tamat tempoh sewaan/apabila tapak diperlukan semula untuk pembangunan. 



**BORANG PERMOHONAN PROGRAM/AKTIVITI KEBUN KOMUNITI BANDAR**

Nama Kawasan : \_\_\_\_\_

NAMA PEMOHON : .....

NO. KAD PENGENALAN : .....

ALAMAT : .....

NO. TELEFON : .....

**\*Butir ahli komuniti (sekurang-kurangnya 5 pemohon yang terdiri dari penduduk yang paling berhampiran)**

Bil.	Nama Penuh	Kad Pengenalan	Alamat	No. Telefon
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				

**\*Butir ahli komuniti mestilah merupakan penduduk yang menetap di Skim Perumahan tapak yang dipohon**  
(sila guna lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi)

**Sokongan Pengerusi Jawatankuasa  
Penduduk / Ketua Kampung**

Nama :

JPK :

Tarikh :

**Sokongan Ahli Majlis  
(Zon Berkenaan)**

Nama :

Zon :

Tarikh :

.....  
(Tandatangan)

Tarikh :

Cop :

.....  
(Tandatangan)

Tarikh :

Cop :


*\*Hanya borang yang diisi dengan lengkap berserta pelan lokasi (maklumat terperinci) yang akan diproses untuk pertimbangan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses)*

## SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN KEBUN KOMUNITI BANDAR

Keluasan Tapak Yang Dipohon : Kurang Daripada 0.4Hektar( 1.0 ekar)

BIL	SENARAI	TANDAKAN (/)
1.	Borang Permohonan Kebun Komuniti Bandar	
2.	Kerta Kerja Yang Menyatakan Maklumat Seperti :-	
	i. Pelan Lokasi	
	ii. Pelan Tapak	
	iii. Gambar Semasa Tapak	
	iv. Jenis Tanaman	
	v. Kaedah Tanaman	
	vi. Lain-lain	
3.	Salinan Kad Pengenalan Pemohon	
4.	Salinan Kad Pengenalan Ahli Komuniti	
5.	Salinan Pelan Lokasi Tapak Cadangan Majlis Bandaraya Ipoh (Di Cetak Melalui Jabatan Perancangan Bandaraya, MBI)	
6.	Salinan Geran Hak Milik Tanah	
7.	Surat Sokongan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/Ketua Institusi/Ahli Majlis MBI (Jika Ada)	
8.	Fi Proses Sebanyak RM 100 (Jabatan Perancangan Bandaraya, MBI Akan Mengeluarkan Bil Bayaran)	

# CARTA ALIR GARIS PANDUAN KEBUN KOMUNITI BANDAR



## **Garis Panduan Kebun Komuniti Bandar Di Kawasan Majlis Bandaraya Ipoh**

- a) Kawasan kebun yang dibenarkan bagi setiap peserta adalah bersaiz kurang daripada 0.4 hektar sahaja, di atas tanah yang diluluskan permohonannya.
- b) Hanya aktiviti pertanian kontan sahaja yang dibenarkan ditanam di kawasan tersebut.
- c) Penyelenggara plot yang melanggar mana-mana Garis Panduan Kebun Komuniti ini akan ditarik balik kebenaran baginya dengan serta merta.
- d) Kawasan Kebun Komuniti ini adalah kawasan awam yang tertakluk sepenuhnya di bawah Akta dan Undang-undang yang digunapakai oleh Majlis Bandaraya Ipoh. Majlis berhak pada bila-bila masa untuk mengalih dan/atau melupuskan binaan dan tanaman sekiranya terdapat kerja-kerja Majlis yang melibatkan kawasan tersebut tanpa memberikan sebarang gantirugi kepada Penyelenggara Plot.
- e) Penyelenggara Plot hendaklah memastikan kebersihan kawasan 'Kebun Komuniti' pada setiap masa dan tumbuh-tumbuhan yang ditanam diselenggara dengan baik. Sekiranya tapak didapati menjadi punca kacauganggu kepada mana-mana pihak, Majlis mempunyai hak untuk membatalkan kebenaran dengan serta-merta.
- f) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang aduan awam, kerosakan atau kekurangan yang ditimbulkan dari keadaan 'Kebun Komuniti' tersebut. Sebarang aduan berhubungnya yang diterima oleh Majlis akan dikemukakan terus kepada pihak Penyelenggara Plot.
- g) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas keselamatan tapak atau sekitarnya samada yang ditimbulkan dari keadaan tapak kepada persekitaran atau dari persekitaran kepada tapak.
- h) Pihak Penyelenggara Plot bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua perkara berkaitan 'Kebun Komuniti' tersebut dan tidak boleh mengemukakan sebarang tuntutan bayaran kepada Majlis bagi apa-apa kerja yang dilaksanakan olehnya atau wakilnya di atas tanah tersebut.
- i) Komuniti yang mendapat kebenaran membangunkan 'Kebun Komuniti' **tidak dibenarkan** untuk menyerah hak guna kepada mana-mana individu/pihak lain. Komuniti yang didapati melakukan sedemikian boleh ditarik balik kebenaran baginya dengan serta merta.

- j) Papantanda menunjukkan nama Plot atau Penyelenggara Plot **perlu** dipasang di mana-mana bahagian tapak yang mudah dilihat orang awam. Saiz akan ditetapkan oleh Majlis.
- k) **Tidak dibenarkan** meletak sebarang haiwan di tapak. Kebun Komuniti ini hanya untuk tanaman sahaja.
- l) Mematuhi Akta Racun Makhluk Perosak
- m) Pokok **tidak dibenarkan** tumbuh melebihi ketinggian 10 kaki.
- n) Perkara-perkara yang **tidak dibenarkan** diletak atau dibina atau dibangunkan di situ adalah contohnya seperti berikut ;
- i. Sebarang bentuk Tayar, besi, Styrofoam, papan, plastik;
  - ii. Sebarang bentuk kandang atau binaan bagi haiwan;
  - iii. Sebarang bentuk struktur seperti pergola, jambatan, tiang, wakaf atau buaian struktur/tiang/dinding/bumbung;
  - iv. Sebarang bentuk takungan atau kolam;
  - v. Sebarang bahan kitar semula; dan
  - vi. Tertakluk kepada kegunaan aktiviti perkebunan.
- o) Plot penanaman harus ditanam, diselenggara, atau sungkupan berada di dalam plot penanaman. **Tidak dibenarkan** menanam diluar kawasan plot penanaman.
- p) Penyerahan semula tapak dalam keadaan baik kepada MBI/Pemilik tanah/Jabatan/Agensi apabila tamat tempoh sewaan/apabila tapak diperlukan semula untuk pembangunan